



PANDUAN KEMBARA MUSLIM

WESTERN AUSTRALIA

WALKING ON A DREAM



Tourism
WESTERN AUSTRALIA

WESTERN AUSTRALIA

♀ ELIZABETH QUAY, PERTH | BOORLOO

♀ MATAGARUP BRIDGE, PERTH | BOORLOO

KANDUNGAN

Peta	2	Cadangan Itinerari	30
Pengenalan Western Australia	3	Info Ringkas	34
Destination Perth	4	Percuma di Perth	37
Australia's South West	8	Bersiar-siar di Sekitar Perth	38
Australia's Coral Coast	12	Tip Memandu di Western Australia	40
Australia's Golden Outbackk	16	Tempat Letak Karavan	42
Australia's North West	20	Penginapan Impian	44
Syurga Membeli-belah	24	Senarai Masjid & Musolla	48
Selera Halal	28		



♀ KANGAROOS AT LUCKY BAY, CAPE LE GRAND NATIONAL PARK

TAHUKAH ANDA TERDAPAT LIMA DAERAH DI WESTERN AUSTRALIA?



PENGENALAN WESTERN AUSTRALIA

Western Australia ialah sebuah negeri yang besar dan indah, meliputi satu pertiga daripada benua Australia. Dengan keluasan lebih 12,500 km garis pantai termasuk 20,000 pulau, Western Australia mempunyai khazanah mineral tertua di dunia dan pelbagai keajaiban alam semula jadi yang unik dan menakjubkan. Sejarah orang asli Western Australia bermula sejak lebih 50,000 tahun lalu, menjadikan penempatan ini sebagai salah satu budaya hidup tertua di dunia. Sebagai menghormati Orang Asli di Western Australia, nama-nama tempat di dalam buku panduan ini disebut dengan nama dalam bahasa Inggeris dan nama asli, contohnya Perth | Boorloo.

Pelancong boleh menikmati pengalaman unik dan pelbagai iklim di seluruh negeri, dari kawasan mediterranean di selatan hingga iklim tropika di utara. Akan tetapi, Western Australia memastikan pelancong sentiasa mempunyai tempat untuk merasai musim panas.



PERTH ADALAH BANDARAYA PENGEMBARAAN SEMULA JADI

DENGAN CUACA YANG SELESA, WARGA TEMPATAN YANG MESRA, PERTH (BOORLOO) - BANDARAYA AUSTRALIA YANG PALING CERAH MENAWARKAN PENGEMBARAAN UNTUK SEMUA.

Terokai Perth dari sebuah kota metropolitan yang berkembang pesat dengan restoran kreatif dan pengalaman budaya terpilih hingga ke pengalaman hidupan liar yang unik, percutian pulau dan daerah yang kaya dengan produk tempatan. Dikelilingi Sungai Swan dan terletak di alam semula jadi, Perth mempunyai udara segar, ruang terbuka luas dan matahari terbenam Lautan Hindi yang akan kekal bersama anda selamanya. Dengan langit biru yang cerah dan iklim Mediterranean, Perth ialah destinasi percutian impian sepanjang tahun.



♀ MUNDARING WEIR, PERTH HILLS



♀ BLUE BOAT SHED, PERTH



♀ WA MUSEUM BOOLA BARDIP, PERTH

BANDAR KOSMOPOLITAN YANG KAYA DENGAN KEINDAHAN ALAM SEMULA JADI

Perth adalah salah satu bandaraya tercantik dan paling sesuai untuk didiami di dunia. Perth menawarkan penginapan mewah, pesta menarik, restoran tepi pantai, hiburan malam, pusat membeli-belah dan pengalaman budaya yang unik.

Terokai Elizabeth Quay, taman tepi laut yang sesuai untuk semua peringkat umur menikmati gaya hidup aktif di bandaraya ini. Nantikan lawatan berjalan kaki dengan Orang Asli, pelayaran sungai, seni awam, kawasan permainan kanak-kanak dan kafe unik yang tersendiri. Kings Park and Botanic Garden (Kaarta Koomba) adalah salah satu taman dalam bandar terbesar di dunia. Lawati taman botani yang indah dengan pemandu Orang Asli atau berkelah di antara bunga liar dan tumbuhan asli. Kunjungi Yagan Square, ruang komuniti popular yang meraikan warisan Orang Asli Western Australia. Terokai Northbridge, daerah hiburan yang meriah di Perth dan terletakinya Perth Cultural Centre. Jangan ketinggalan juga WA Museum Boola Bardip dan Galeri Seni WA yang menakjubkan. Di seberang sungai pula terdapat Kasino Crown dan Stadium Optus bertaraf dunia yang epik dengan 60,000 tempat duduk.



DESTINATION PERTH

PERTH - PERCUTIAN PILIHAN ANDA

PERTH MENAWARKAN PELBAGAI PERJALANAN SEHARI YANG MUDAH DAN SANTAI, YANG PALING JAUH DALAM SEJAM DARI BANDARAYA.



♀ FREMANTLE

BANDAR PELABUHAN EKLEKTIK YANG SARAT DENGAN NILAI SENTIMENTAL

Fremantle (Walyalup) atau 'Freo' sangat terkenal sebagai sebuah bandar pelabuhan Perth (Boorloo) yang terletak di titik pertemuan Sungai Swan dengan Lautan Hindi. Keindahan pemandangan yang penuh dengan keceriaan, warna dan budaya yang unik pasti memikat hati semua.

Bukan sahaja galeri seni dan kafe yang memenuhi seluruh pekan bohemian ini — Fremantle Markets yang masih kukuh selepas 100 tahun juga masih sibuk menjadi tarikan di sana. Pelancong boleh nikmati makanan laut segar di tepi pelabuhan, hidangan mewah di bangunan bersejarah atau menikmati minuman yang menyegarkan di pantai sambil menyaksikan matahari terbenam Lautan Hindi.



♀ ROTTNEEST ISLAND

PULAU ISTIMEWA UNTUK SANTAI DI PERTH

Pulau Rottneest (Wadjemup) atau 'Rotto' sangat terkenal sebagai syurga pengembaraan dan percutian tempatan yang menjadi kesukaan ramai. Anda akan disajikan dengan keindahan 63 pantai yang menakjubkan, 20 teluk yang indah, limpahan hidupan marin yang indah dan haiwan paling gembira dan comel di dunia, si "quokka".

Anda boleh melawat Rotto menerusi penerbangan, segway, bas, bot, waterbike atau pun kayak lut sinar. Salah satu cara terbaik untuk meninjau keseluruhan pulau ini ialah dengan berbasikal atau ikuti lawatan basikal bersama pemandu pelancong untuk menemui rumah api, peninggalan perang dunia, tasik garam merah jambu, gua dan teluk.



♀ MANDURAH

BANDAR GAYA HIDUP YANG PENUH DENGAN SUASANA PERCUTIAN

Orang ramai tertarik ke sini untuk melihat keindahan laluan air yang berliku di antara rumah-rumah mewah, menyaksikan ikan lumba-lumba di perairan muara, beriadah di kawasan pantai dan menikmati ketam "blue swimmer" tempatan yang istimewa terutama sekali semasa Pesta Ketam Mandurah (Mandjoogoordap) setiap tahun. Terokai pantai seperti Tim's Thicket, Town Beach dan Halls Head Beach. Ataupun sertai lawatan eko ke Muara Peel-Harvey yang bersaiz dua kali ganda Sydney Harbour dan Tanah Lembab Peel-Yalgorup untuk melihat burung dan hidupan liar di habitat semulajadi.

Mandurah berasal daripada perkataan Orang Asli Nyoongar yang bermaksud 'tempat pertemuan hati'.



♀ ROCKINGHAM

TEMUI DUNIA HIDUPAN LIAR

Rockingham terkenal dengan perairan yang selamat dan tenang, anda boleh berenang di lautan ini dengan ikan lumba-lumba liar atau menonton dari platform tontonan sambil bermain dengan ikan lumba-lumba di hujung kaki. Dengan menaiki feri perjalanan singkat, anda boleh bertemu dengan 1,200 penguin yang tinggal di Pulau Penguin dengan menaiki bot atau berkayak di kawasan sekitarnya. Pulau Seal menawarkan peluang untuk menonton singa laut dan anjing laut berjemur di tepian pantai.



♀ SWAN VALLEY

JELAJAH SENI, MAKANAN DAN PEMANDANGAN INDAH

Swan Valley sesuai untuk perjalanan sehari yang santai dari Perth, sama ada dengan memandu kereta atau menaiki kapal layar, inilah satu-satunya daerah ladang anggur yang anda boleh belayar dari ibu kota Western Australia.

Nikmatilah hidangan gourmet tempatan dengan buah zaitun, keju, coklat, kacang, madu, nougat dan ais krim.

Selain makanan dan melawat ladang anggur, pelancong boleh nikmati pengembaraan lain seperti menunggang kuda, berbasikal, golf, hidupan liar, seni dan budaya Orang Asli. Jangan lupa untuk melawat Caversham Wildlife Park yang berdekatan, anda berpeluang menemui dan bermesra dengan koala, wombat dan kanggaru.



DAERAH MARGARET RIVER DI MANA PENGEMBARAAN PENUH CABARAN DAN KETENANGAN

LADANG ANGGUR PALING PREMIUM AUSTRALIA TERLETAK DI ANTARA PANTAI YANG BERSIH, GUA PURBA DAN HUTAN KAYU YANG HANYA MEMERLUKAN PEMANDUAN 2.5 JAM YANG MUDAH KE SELATAN BANDARAYA PERTH.

Lebih daripada makanan dan minuman yang lazat, tarikan semula jadi di daerah South West (Barat Daya Australia) menarik perhatian pengembara yang suka dengan cabaran untuk meneroka.

Terjun ke lautan indah untuk meluncur, berenang, dan snorkel di sepanjang pantai atau lihat ikan paus humpback yang megah meredah air semasa penghijrahan tahunan mereka.

Di darat, anda boleh berjalan di antara hutan kayu gergasi yang tinggi di kawasan itu, berhubung dengan budaya Orang Asli di Wadandi dan Bibbulmun, serta alami kemewahan berjalan dengan kaki ayam di bahagian ikonik Cape to Cape Track.

Tenangkan diri dan anda akan menemui kesunyian gua purba, bersiar-siar di sepanjang jeti timbunan kayu terpanjang di Hemisfera Selatan atau berehat di beberapa pantai terbaik di dunia. Di sini anda juga akan menemui Cape Leeuwin, rumah api tertinggi di tanah besar Australia dan terletaknya titik pertemuan dua lautan.

Penuh dengan restoran mewah, kilang penyulingan, galeri seni dan hasil tempatan yang bermula daripada daging hingga coklat dan keju, ianya mudah untuk memahami kerana Daerah Margaret River merupakan destinasi impian pelancongan.



AUSTRALIA'S
SOUTH WEST



♀ BUSSELTON



♀ MARGARET RIVER FARMERS MARKET



♀ MANJIMUP TRUFFLES



♀ KATANNING



♀ DUNSBOROUGH



♀ CAPE TO CAPE MARGARET RIVER

GARIS PANTAI YANG MEMPESONAKAN

Daerah Margaret River adalah tempat pertemuan dua lautan - Lautan Hindi dan Lautan Selatan yang telah mengukir garis pantai unik. Rantau ini terkenal di peringkat antarabangsa sebagai salah satu lokasi meluncur ombak besar terbaik di dunia yang menampilkan lebih daripada 40 tempat meluncur yang mengagumkan, daripada kawasan terumbu yang hebat hingga peluncuran pantai yang menyeronokkan.

Busselton (Undalup) dan Dunsborough ke Yallingup, Augusta adalah antara pantai-pantai yang paling menakjubkan di Western Australia. Anda boleh pilih lagun yang jernih dan spa semula jadi yang meriah atau teluk terlindung yang terpencil dan pantai cetek yang panjang dengan pasir putih yang halus.

HASIL TEMPATAN DAN MAKANAN BERTARAF DUNIA

Dapur alam semula jadi menanti anda di South West. Dengan beratus-ratus ladang anggur, dusun dan kebun, rantau ini merupakan gugusan pembekal yang mempunyai semua bahan masakan gourmet. Di sini, anda akan menemui buah beri, epal, daging rusa, daging lembu, ayam itik, makanan laut, keju, coklat dan banyak lagi.

Jangan lupa untuk jelajah pasar tani tempatan dan temui pengeluar tempatan yang inovatif. Antaranya ialah Bunbury Farmers Market; Origins Market; Margaret River Farmers Market; The Margaret River Truffle Farm; Margaret River Chocolate Factory; Vasse Virgin; Olio Bello Olive Oil dan sebagainya.

MEMETIK TRUFFLE DI MANJIMUP

Truffle adalah tumbuhan seperti cendawan tetapi berbeza. Mereka terkenal dengan bau dan rasa yang unik. Truffle tumbuh di bawah pokok oak dan hazelnut dalam hubungan simbiotik dengan akar dan dipetik sepanjang musim sejuk Australia pada bulan Jun, Julai dan Ogos. Australia secara eksklusif hanya menghasilkan truffle hitam, yang dikenali sebagai "emas hitam".

Sertai lawatan memetik truffle untuk peluang menemui truffle yang segar dan masak, dan dipetik dari tanah seperti emas hitam.

KATANNING (KAMPUNG MELAYU) - LUBUK SENI, SEJARAH, MAKANAN & BUDAYA

Katanning ialah satu bandar (ladang gandum) Wheatbelt yang menempatkan penduduk Melayu, Afghanistan dan Cina yang besar serta Orang Asli Nyoongar tempatan. Kepelbagaian ini telah menghasilkan pelbagai acara komuniti biasa, termasuk pameran seni dan Festival Pelbagai Budaya yang diadakan pada bulan Mac setiap tahun. Pekan ini juga mempunyai warisan kolonial yang kaya sejak kelahirannya pada penghujung abad ke-19, apabila ketibaan landasan kereta api menjadikan Katanning tumpuan untuk industri pertanian di rantau ini.

HUBUNG SEMULA DENGAN ALAM SEMULA JADI

Untuk menyelami keindahan alam semula jadi, bertolak ke Dunsborough dan saksikan penghijrahan tahunan ikan paus humpback. Snorkel di kalangan ikan berwarna-warni atau mendekati ikan pari liar di Teluk Hamelin yang cetek. Lawati Jeti Busselton untuk aktiviti menyelam skuba atau memerhatikan Underwater Observatory. Semasa musim bunga, nikmati bunga liar yang mekar di seluruh rantau ini. Bersiar-siar di Hutan Boranup yang indah dan pokok karri yang menjulang tinggi. Sertai lawatan Orang Asli untuk belajar tentang perubatan belukar tradisional dan masuk ke gua batu kapur untuk mendengar bunyi-bunyi didgeridoo yang ajaib.

PENGEMBARAAN YANG PENUH CABARAN

Untuk pengembaraan yang mencabar, cubalah meluncur air, mendayung berdiri, memanjat batu, berkanu, menunggang kuda atau terjun udara. Mendaki sebahagian atau kesemua Cape to Cape Track sepanjang 135 km yang terletak di pinggir pantai Leeuwin-Naturaliste Ridge. Berbasikal mengelilingi gunung melalui trek bertaraf dunia atau berkanu perlahan-lahan di sepanjang Margaret River yang dibarisi hutan yang tenang.

KEMBARA KE TERUMBU NINGALOO YANG AJAIB DI CORAL COAST

CORAL COAST MERUPAKAN TEMPAT PENGEMBARAAN LAUT YANG PALING MENGUJAKAN DI DUNIA, IA MELIPUTI MENUJU UTARA DARI PERTH HINGGA KE EXMOUTH. TERLETAK DI TEBING LAUTAN HINDI SEPANJANG 1,250KM, IA MEMPUNYAI PANTAI DAN TAMAN NEGARA YANG MENAWAN.


Tarikan utama Coral Coast ialah Ningaloo Marine Park (Nyinggulu) yang tersenarai dalam Warisan Dunia, destinasi impian untuk pencinta alam semula jadi dan hidupan liar. Ia juga adalah tuan rumah kepada 'Big 3' - jerung, paus humpback dan pari manta.

Mudah diakses dari Coral Bay atau Exmouth, Ningaloo Reef mempunyai keluasan lebih 300 km dan dinobatkan sebagai salah satu kawasan marin yang mempunyai kepelbagaian secara biologi di planet ini.

Ia juga merupakan terumbu batu karang yang paling hampir pesisiran pantai di dunia - anda boleh melangkah terus dari pantai dan snorkel untuk melihat lebih daripada 200 spesies batu karang yang dipenuhi dengan 500 spesies ikan berwarna-warni.



AUSTRALIA'S
CORAL COAST



BERENANG BERSAMA GERGASI MANJA

Pengembaraan marin Terumbu Ningaloo yang paling menggembirakan ialah berenang bersama ikan terbesar di dunia iaitu jerung paus (whale shark) yang manja. Jerung paus yang bercorak berseni bertumpu di sini dari Mac hingga Julai setiap tahun. Sertai lawatan ekologi yang diketuai penduduk tempatan untuk berenang bersama gergasi comel ini.



BERPUSING DENGAN AKROBAT LAUT

Anda juga boleh berenang dengan pari manta dari Coral Bay yang hidup di Ningaloo sepanjang tahun. Rentangan sayap mereka yang besar membolehkan mereka berenang dengan laju dan sekali-sekala melompat keluar dari air dan mendarat dengan tepat. Pari manta sangat pintar dan selamat untuk berenang bersama, berkongsi lautan dengan pari manta ialah pengembaraan hebat sekali dalam seumur hidup.



LEBUHRAYA HUMPBACK YANG SIBUK

Di antara Julai dan Oktober, Ningaloo mengalu-alukan hidupan marin gergasi yang lain iaitu ikan paus humpback yang berhijrah dari Antartika melalui "Lebuhraya Humpback" Western Australia ke tempat pembiakan yang lebih hangat di bahagian utara. Ningaloo ialah satu-satunya tempat di Western Australia di mana anda boleh berenang dengan ikan paus humpback.



MENIKMATI TERUMBU CARA ANDA

Terdapat banyak cara untuk melihat Ningaloo sama ada secara selesa di atas bot lutsinar atau snorkelling atau menaiki penerbangan untuk menyaksikan landskap dan warna seolah-olah dari dunia lain. Satu lagi pengembaraan Ningaloo yang wajib dilakukan ialah "drift snorkelling" di Turquoise Bay - rendam di arus air hangat dan nikmati hidupan laut yang berlalu hanya beberapa meter dari pantai.

LEBUHRAYA CORAL COAST ADALAH SALAH SATU PENGEMBARAAN JALANAN TERHEBAT DI DUNIA

TERLETAK DI UTARA DARI PERTH KE EXMOUTH, INI BUKAN PENGEMBARAAN JALANAN (ROAD TRIP) YANG BIASA. PERJALANAN INI MELIBATKAN 1,250 KILOMETER KEAJAIBAN WARISAN DUNIA, BUNGA LIAR, PANTAI YANG BERSIH, PERTEMUAN HIDUPAN LIAR, TEBING MERAH DAN GAUNG YANG MENAWAN. RASAI PENGEMBARAAN DUNIA LAIN – DI BAWAH, DI DALAM ATAU DI TEPIAN LAUTAN HINDI – DALAM MASA 10 HARI ATAU LEBIH.



♀ KALBARRI NATIONAL PARK



♀ PINNACLES, NAMBUNG NATIONAL PARK



♀ MONKEY MIA

WAKTU TERBAIK UNTUK MENGUNJUNG

- Sebagai sebahagian kawasan sub-tropika, masa yang paling sesuai untuk dikunjungi ialah Mac hingga Oktober dengan cuaca cerah yang hangat dan malam yang sejuk dan selesa.
- Jerung paus: pertengahan Mac hingga akhir Julai.
- Pertumbuhan batu karang Terumbu Ningaloo: Mac hingga April.
- Paus humpback: melihat Jun hingga November; berenang bersama mereka Ogos hingga Oktober.
- Bunga liar: lewat Julai hingga awal Oktober.
- Penyu bersarang dan bertelur: Disember hingga Mac.

Exmouth ialah pintu masuk utara ke Coral Coast. Berjalan terus dari pantai atau tempah lawatan bot untuk menerokai Terumbu Ningaloo; atau ikut cara anda sendiri dan terokai banyak pantai yang menakjubkan di Exmouth.

TRIP 10 HARI MELALUI JALAN DARAT

PENERBANGAN DUA JAM (EXMOUTH KE PERTH)

NINGALOO REEF

EXMOUTH
CAPE RANGE NATIONAL PARK

Lawati taman negara yang lasak ini dengan pacuan empat roda atau mendaki secara santai.

CORAL BAY

Sertai lawatan penetasan penyu, berenang dengan pari manta, terokai Terumbu Ningaloo atau beriadah di salah satu pantai yang mempesonakan di bandar ini.

SHARK BAY ♀ MONKEY MIA

Terokai dengan menaiki kayak bersama Orang Asli di Shark Bay (satu lagi Kawasan Warisan Dunia) atau terokai Francois Peron National Park yang menakjubkan dengan menaiki pacuan empat roda.

Temui ikan lumba-lumba liar yang suka bermain dan aktif melawat pantai setiap hari.

KALBARRI
HUTT LAGOON ♀

Saksikan Hutt Lagoon yang ikonik secara berjalan kaki, menaiki buggy atau penerbangan dan dikagumkan dengan tasik berwarna merah jambu.

Kunjungi gaung yang berusia 400 juta tahun di Kalbarri National Park, Kalbarri Skywalk atau pergi berkayak, abseiling atau memancing.

GERALDTON

Terokai bandar pantai yang menawan dalam perjalanan ke Geraldton, iaitu bandar terbesar di Coral Coast dan tapak bertolak untuk sukan air, bunga liar dan lawatan sehari ke Batavia Coast.

JURIEN BAY

Di Jurien Bay, anda boleh berenang dengan singa laut Australia, yang juga dikenali sebagai 'anak anjing laut' yang suka bermain. Anda juga boleh melakukan aktiviti mendaki, berenang, menggunakan papan dayung, snorkel, skydive, memancing atau menaiki bot pelayaran di sini.

THE PINNACLES

Berjalan di antara bentuk bumi yang seakan-akan permukaan bulan di gurun The Pinnacles di Nambung National Park, pintu masuk selatan ke Coral Coast.

PERTH ♀ BERMULA DI SINI

DARI GOLDEN OUTBACK KE ESPERANCE, PANTAI PALING PUTIH DI AUSTRALIA

LEBIH SEPARUH DARI WESTERN AUSTRALIA DILIPUTI OLEH
KELUASAN GOLDEN OUTBACK

Dari tanah gersang merah di utara hingga ke pantai murni Esperance (Kepa Kurl) di selatan, Golden Outback menawarkan tarikan yang bersejarah, penginapan ladang yang menawan dan bunga liar yang menakjubkan di kawasan tanaman gandum.

Temui seni kuda logam di Tin Horse Highway. Kunjungi galeri seni luar yang terbesar di dunia di Tasik Ballard. Jangan lupa untuk meluncur di salah satu 'ombak' tertua di Australia iaitu Wave Rock atau mendaki di Gunung Augustus. Saksikan perlombongan moden yang epik atau ketahui lebih lanjut tentang perlombongan emas zaman dahulu di Kalgoorlie-Boulder.

Alami pemandangan yang seolah-olah dari dunia lain - daripada tasik garam yang mempesonakan ke kawasan berbatu dan berceranggah, kepulauan yang indah dan pantai paling putih di Australia. Temui orca liar, ikan paus yang berhijrah dan ikan lumba-lumba yang suka menggembirakan. Lihat kanggaru berjemur, numbat, bilbies dan banyak lagi. Dan pada musim bunga, jangan lupa untuk saksikan bunga liar yang tidak mungkin ditemui di tempat lain di dunia ini.



♀ WAVE ROCK | KATTERKICH



♀ WILDFLOWERS, BETWEEN MUKINBUDIN AND BENCUBBIN



ESPERANCE ADALAH DESTINASI IDAMAN UNTUK PENCINTA PANTAI DAN ALAM SEMULAJADI

ESPERANCE ADALAH SEBUAH BANDAR YANG DIKELILINGI PULAU DENGAN PANTAI-PANTAI YANG TIDAK TERCEMAR MENYAINGI MANA-MANA PANTAI DI DUNIA. TERLETAK DI ANTARA PANTAI BERPASIR PUTIH, AIR BERWARNA BIRU, TAMAN NEGARA YANG UTUH, PEMBENTUKAN BATU DRAMATIK DAN PULAU YANG TERSEMBUNYI, ESPERANCE MENGAMBIL MASA KIRA-KIRA 8 JAM PEMANDUAN ATAU PENERBANGAN SINGKAT 90 MINIT DARI PERTH.



PANTAI, TELUK DAN TAMAN NEGARA

Lucky Bay adalah pantai terputih Australia dimana kanggaru yang suka singgah berjemur. Teluk ini terletak di Cape Le Grand National Park yang terbentang luas sejauh 5 km di antara 110 pulau di Kepulauan Recherche yang menakjubkan. Esperance dikelilingi oleh pantai-pantai terbaik di dunia, pantai kegemaran orang tempatan ialah Hellfire Bay, Pantai Twilight dan Blue Haven. Memandulah di Great Ocean Drive, jalanraya sepanjang 40 km dari Esperance yang berliku-liku di pinggir pantai yang indah. Terokai pantai yang bersih di Cape Le Grand National Park untuk berenang, berjalan di belukar, memancing atau berkhemah. Di puncak Frenchman Peak pemandangan pantai yang menyeluruh dan cantik menunggu anda.



TASIK PELANGI

Tasik-tasik yang berwarna-warni terletak di antara kawasan-kawasan tanah ladang di Esperance. Tasik-tasik ini memaparkan pelbagai warna seumpama pelangi. Warna tasik dan tanah ladang berubah-ubah mengikut musim. Pemandangan mungkin berbeza setiap kali lawatan. Fenomena ini hanya boleh disaksikan dari ruang udara dengan mengikuti lawatan pakej penerbangan dari Fly Esperance atau HeliSpirit.



TEROKAI 'HIDUPAN LIAR'

Di Esperance anda berpeluang menemui haiwan tempatan yang dilindungi oleh taman negara dan rizab alam semula jadi. Ikan paus yang berhijrah di sepanjang pantai dari Jun hingga Oktober boleh dilihat dengan pelayaran bot atau dari pantai semasa mereka bermain-main atau berlindung dengan anak-anak mereka di teluk yang tersembunyi. Ikan lumba-lumba sering berkongsi lautan dengan perenang, bermain ombak dengan rakan peluncur atau selusuri lautan dengan bot. Saksikan kecomelan singa laut dan anjing laut berbulu semasa mereka berenang dan menyelam. Di kawasan darat, jangan lupa untuk melihat possum, kanggaru, bandicoots dan walabi.

KEMBARA GOLDEN OUTBACK – KAWASAN LUAR BANDAR UNTUK PENGEMBARAAN JALANAN

Golden Outback yang meliputi lebih separuh daripada Western Australia menawarkan ruang tidak terbatas. Ia terbentang dari tanah merah bercerangah di utara ke kawasan bersejarah emas dan bandar perintis di timur dan penginapan ladang yang menawan serta bunga liar yang menakjubkan di barat. Terokai laluan yang jarang digunakan. Bertemu dengan kuda logam di Tin Horse Highway. Jelajah ke bendang garam untuk melihat seni arca yang seakan-akan dari dunia lain dan berdiri di bawah ombak tertua di dunia.

Mendaki Gunung Augustus dan lihat kehidupan liar termasuk kanggaru, numbat, emu, bilbies, quendas dan burung atau saksikan kaleidoskop bunga liar mekar. Memandu di atas Golden Quest Discovery Trail merentasi kawasan emas. Bersiar-siar di bandar emas bersejarah, belajar tentang budaya Orang Asli dan melihat seni batu purba, atau mendaki denai indah. Lepak dan rehat di bawah buruj langit yang cerah atau cuba penginapan ladang ternakan (outback station) untuk merasai keramahan pedalaman Western Australia yang sebenar.




KIMBERLEY ADALAH SALAH SATU KAWASAN PERHILITAN SEJATI TERAKHIR DI DUNIA

TEROKAI THE GIBB RIVER ROAD, SEBUAH PENGEMBARAAN LUAR BANDAR YANG IKONIK MERENTASI KIMBERLEY

The Gibb River Road yang sepanjang 660 km merentasi Kimberley dan beberapa kawasan yang belum diterokai di muka bumi ini. Pada asalnya dibina untuk memandu lembu melintasi kawasan pedalaman yang lasak, 'The Gibb' mengambil laluan kawasan pedalaman yang menakjubkan iaitu gaung, lubang renang terpencil, taman negara yang luas, seni batu purba, air terjun dan pertemuan hidupan liar. Hanya boleh diakses dengan pacuan empat roda di antara Mei dan Oktober, pengembaraan jalanan ini mengambil masa sekitar 12 hari atau lebih, ikut perancangan anda.

Sepanjang perjalanan, anda akan bertemu dengan ramai penduduk tempatan yang mesra. Pilih untuk menginap di rumah persinggahan hutan belantara yang terpencil, penginapan ladang mewah (outback station) ataupun berkhemah di bawah jutaan bintang. Dan untuk menyempurnakan jelajah Kimberley anda, dari Kununurra anda boleh sambung lawatan ke Tasik Argyle yang luas dan Banjaran Bungle Bungle di Purnululu National Park.



TENANG TAPI MENGAGUMKAN, PENUH JIWA DAN SARAT DENGAN KEAJAIBAN

Wilayah purba hampir setengah juta kilometer persegi ini menyimpan rahsia pengembaraan dunia lain dan fenomena semula jadi yang menakjubkan.

Pantai dan pekan pedalaman Kimberley menawarkan pengalaman yang jauh berbeza, dari Broome di pantai barat ke Kununurra di timur dan di mana-mana di antaranya. Keindahan sebenar Kimberley boleh dinikmati melalui pengembaraan atau santai mengikut keselesaan anda. Anda boleh tinggal di tempat percutian mewah, penginapan ladang mewah (outback station) atau berkhemah dengan penjaga Orang Asli. Uph pacuan empat roda, naiki penerbangan, mendaki, berkanak atau hanya berbaring sambil anda melayari laluan air purba di atas kapal yang canggih.

Kuasa alam mengambil masa berbilion tahun menghasilkan daratan yang menarik, di sini anda boleh mencipta percutian impian anda.

MASA TERBAIK UNTUK MELAWAT

Dengan iklim sub-tropika, masa yang paling sesuai untuk berkunjung ke sini ialah pada 'musim kemarau' (April hingga Oktober) dengan siang yang hangat dan malam yang nyaman. 'Musim hujan' (November hingga Mac) akan menjadi panas dan lembap, dengan hujan yang akan menghalang akses ke beberapa kawasan — tetapi ia juga masa terbaik untuk menyaksikan air terjun yang bergemuruh, pertunjukan kilat yang menakjubkan dan matahari tropika terbenam.



♀ CYGNET BAY PEARL FARM, THE KIMBERLEY



♀ KUNUNURRA | GOONOO NOORRANG



♀ HORIZONTAL FALLS | GARAANN GADDIM



SANTAI KE 'BROOME TIME' DI MANA PEDALAMAN MENEMUI LAUTAN

BROOME (RUBIBI) ADALAH DESTINASI TUMPUAN TERLETAK DI LALUAN BARAT KE KIMBERLEY.

Broome, pintu masuk barat ke Kimberley, benar-benar memaparkan gabungan budaya yang meriah. Pekan ini diwujudkan sejak penempatan industri mutiara pada tahun 1800-an, dan budaya Orang Asli wujud sejak beribu tahun lalu. Hari ini, Broome ialah salah satu pengeluar mutiara terbaik di dunia, kaya dengan budaya Orang Asli dan warisan Asia.

Beriadah adalah kewajipan disini - di tepi pantai atau di kolam renang peranginan sambil menikmati hidangan istimewa tempatan termasuk daging mutiara dan mangga, minuman ringan halia dan ikan barramundi liar. Matahari terbenam di Broome juga adalah pemandangan yang wajib disaksikan sambil bersiar-siar atau menunggang unta yang manja di Cable Beach.

Layari perairan tropika ke ladang mutiara atau tonton ikan paus yang berhijrah dan ikan lumba-lumba jenis snubfin yang jarang ditemui. Saksikan tangga ke rembulan apabila bulan purnama terbit di atas hutan paya bakau Teluk Roebuck ketika air surut. Berjalan-jalan di Chinatown yang bersejarah, jejak tapak kaki dinosaur di Gantheaume Point atau melihat bintang dengan ahli astronomi pertama di dunia dalam lawatan Orang Asli. Nikmati keindahan landskap Kimberley dengan penerbangan, keajaiban Horizontal Falls (Garaanngaddim) dengan jet bot atau budaya luar biasa Orang Asli dan tapak garam di Semenanjung Dampier dengan pacuan empat roda.



♀ MABU BURU TOURS

PENGALAMAN BUDAYA ORANG ASLI YANG MENDALAM

The Kimberley menawarkan pelbagai pengembaraan dengan budaya hidup tertua di dunia. Ikuti lawatan berpandu Orang Asli dan pelajari tentang hubungan mereka dengan daratan, perairan dan langit. Terokai galeri seni batu purba di kawasan terpencil atau saksikan buah boab diukir berunsurkan motif purba. Cuba mencari ketam lumpur atau melembing ikan, kemudian berkhemah di pedalaman untuk pengalaman makanan asli, bercerita di depan unggun api, seni, muzik dan banyak lagi.



♀ THE BUNGLE BUNGLE RANGE,

BANJARAN BUNGLE BUNGLE

Perhatikan dari pintu helikopter, Banjaran Bungle Bungle, Warisan Dunia yang berusia 350 juta tahun di Purnululu National Park. Ia adalah formasi kubah batu pasir berbentuk sarang lebah yang menakjubkan, terbentuk oleh angin dan hujan selama berjuta-juta tahun. Anda boleh melawat dengan pacuan empat roda atau berjalan kaki dan merasai pengalaman Echidna Chasm dan Gaung Cathedral dengan panduan Orang Asli.



♀ LAKE ARGYLE CRUISES

PENGEMBARAAN AKUATIK DI OUTBACK

Pintu masuk timur ke Kimberley, Kununurra dalam bahasa Orang Asli bermaksud 'Air Besar' merujuk kepada banyak tasik, sungai dan air terjun. Ia adalah pangkalan yang sempurna untuk menerokai beberapa fenomena dunia lain di Western Australia, termasuk Banjaran Bungle Bungle dan Tasik Argyle. Laluan air Kununurra sesuai untuk pelayaran alam semula jadi, berkayak dan bot barbeku. Lawati Mirima National Park, sebuah lembah tersembunyi dengan cenuram batu pasir berusia 350 juta tahun.



♀ ROWLEY SHOALS MARINE PARK, KIMBERLEY

EKSPEDISI PELAYARAN KIMBERLEY

Sertai ekspedisi pelayaran cruise mewah Kimberley ke tempat-tempat yang jarang dikunjungi. Naiki helikopter ke Faraway Bay yang bagaikan dunia lain. Terokai satu-satunya air terjun mendatar (Horizontal Falls) di Australia, fenomena semula jadi yang menarik. Saksikan penghijrahan paus humpback ke tempat pembiakan Kimberley. Belayar ke pulau tropika dan batu karang "atoll". Snorkel di Rowley Shoals Marine Park atau saksikan Terumbu Montgomery yang diubah oleh pergerakan pasang surut terbesar di bumi.

SYURGA MEMBELI-BELAH

PERTH



ASPECTS OF KINGS PARK

Kraft dan reka bentuk oleh artis tempatan.

68 Fraser Ave, Kings Park WA 6005

Setiap Hari: 9am - 5pm

DIRECT FACTORY OUTLET

Berdekatan dengan lapangan terbang, pelbagai barangan berjenama.

11 High St, Perth Airport

Setiap Hari: 10am - 6pm

HAY STREET MALL

Membeli-belah secara outdoor, pelbagai butik jenama tempatan & antarabangsa.

Between Barrack and William Streets

Setiap Hari: 8am - 5pm

KARRINYUP SHOPPING CENTRE

Pusat fesyen jenama, makan, gaya hidup & hiburan terkemuka di Perth.

200 Karrinyup Road, Karrinyup WA 6018

Dibuka Setiap Hari

PICCADILLY ARCADE

Pusat membeli-belah yang berunsur seni bina nostalgia.

700 Hay Street Mall, Perth WA 6000

Dibuka Setiap Hari

WATERTOWN BRAND OUTLET CENTRE

Barangan fesyen berjenama, kelengkapan rumah, barang kemas.

840 Wellington Street, West Perth

Setiap Hari: 9am - 5.30pm

WESTFIELD CAROUSEL SHOPPING CENTRE

Pusat sehenti untuk fesyen, kecantikan, hiburan, makanan, dan lain-lain.

1382 Albany Hwy, Cannington

Setiap Hari: 11am - 5pm

FREMANTLE



E-SHED MARKETS

Makanan/muzik antarabangsa, kraftangan, barangan antik, fesyen, aroma kopi.

Victoria Quay

Jumaat-Sabtu: 9am - 8pm

Ahad: 9am - 7pm

FREMANTLE MARKETS

Makanan segar & istimewa, musik serta pelbagai barangan antik, kraftangan, fesyen, kecantikan.

74 South Terrace

Jumaat-Ahad: 8am - 6pm

SWAN VALLEY



MONDO NOUGAT

Nougat - manisan berkacang dari resipi tradisional.

640 Great Northern Highway, Herne Hill

Isnin-Jumaat: 9.30am - 4.30pm

Sabtu-Ahad: 9.30am - 5pm

MORISH NUTS

Kacang dari resipi turun-temurun.

640 Great Northern Highway, Herne Hill

Setiap Hari: 9.30am - 5pm



THE HOUSE OF HONEY

Madu asli, pelbagai produk madu.

867 Great Northern Highway, Herne Hill

Setiap Hari: 10am - 5pm

SWAN SETTLERS MARKET

Medan selera antarabangsa, hasil tanaman tempatan, kraft & seni, dan lain-lain

124 Lennard St, Herne Hill WA 6056

Jumaat: 12pm-8.30pm

Sabtu-Ahad: 8am - 5pm



YAHAVA KOFFEEWORKS

Rasai kopi istimewa, proses memanggang biji kopi, dan lain-lain

4752 West Swan Road, West Swan

Setiap Hari : 9am - 5pm

SOUTH WEST



♀ CAPE LAVENDER TEAHOUSE



♀ MARGARET RIVER FARMERS MARKET



♀ MARGARET RIVER CHOCOLATE FACTORY



♀ VASSE VIRGIN

BUNBURY FARMERS MARKET

Makanan segar, hidangan siap-sedia, dan lain-lain.

2 Vittoria Road, Glen Iris
Isnin-Jumaat: 7:30am – 6:30pm
Sabtu: 7:30am – 5:30pm
Ahad: 8:00am – 5:30pm

CAPE LAVENDER TEAHOUSE

Minyak pati, penjagaan kulit, teh/kopi, kek

2 Canal Rocks Rd, Yallingup
Setiap Hari: 9:30am to 5pm

MARGARET RIVER CHOCOLATE FACTORY

Produk coklat, kafe, kilang coklat.

415 Harman's Mill Rd, Metricup
Setiap Hari : 9am - 5pm

MARGARET RIVER FARMERS MARKET

Hasil segar dari ladang tempatan.

272 Bussell Highway, Margaret River
Sabtu: 7:30am - 11:30am

ORIGINS MARKET

Pasar tempatan untuk penanam, tukang kraf, penghibur, dan lain-lain

86 West Street, Busselton
Khamis/Ahad: 8:30am - 6pm
Jumaat/Sabtu: 8:30am - 9pm

THE MARGARET RIVER TRUFFLE FARM

Truffle Hitam, produk yang dibuat dengan truffle.

Bussell Hwy, Cowaramup
Telefon: +61 8 9755 9729

VASSE VIRGIN

Minyak zaitun, sabun, penjagaan kulit.

135 Puzey Road, Wilyabrup
Setiap Hari: 10am - 5pm

GOLDEN OUTBACK



♀ ANYTHING & EVERYTHING, ESPERANCE | KEPA KURL

CORAL COAST



♀ YAMAJI ART, GERALDTON | JAMBINU

NORTH WEST



♀ WARINGARRI ABORIGINAL ARTS, KUNUNURRA | GOONOOONOORRANG

ANYTHING & EVERYTHING ESPERANCE

Cenderahati dan karya seni tempatan.

Corner James and Dempster,
2/71 Dempster St, Esperance WA 6450
Isnin-Jumaat: 9am - 3.30pm
Sabtu: Tutup
Sunday: 9am - 1.30pm

YAMAJI ART

Karya seni orang asli.

189 Marine Terrace, Geraldton,
Western Australia 6530
Isnin-Jumaat: 9am-4pm

HIDDEN VALLEY BROOME

Sabun, lilin dan penjagaan kulit diperbuat dari bahan asli.

Blue Haze, 2 Harriet Rd, Bilingurr WA 6725
Isnin-Jumaat: 9am - 4pm
Sabtu: 9am - 12pm
Ahad: Tutup

WARINGARRI ABORIGINAL ARTS

Karya seni dan lawatan kebudayaan orang asli.

16 Speargrass Rd, Kununurra WA 6743
Isnin-Jumaat: 9am - 4.30pm
Sabtu/Ahad: Tutup

Tip: Membeli-belah Lewat Malam

Perth CBD (Pusat Bandar):
Dibuka: Setiap Jumaat sehingga 9pm

Subbandar Perth:
Dibuka: Setiap Khamis sehingga 9pm

Spudshed Fresh Food Market (Baldivis):
(Daging Halal)
Dibuka: 24 jam

Coles Supermarket & Woolworths
Supermarket
Dibuka: (Isnin-Jumaat) 8am - 9pm
(Sabtu) 8am-5pm
(Ahad) 11am - 5pm

SELERA HALAL & MESRA MUSLIM



PERTH

7 GRAMS RESTAURANT

Masakan: Korea 212 Lake St, Perth WA 6000
+61 406 133 331
Setiap Hari: 12pm - 9pm (Selasa: Tutup)
Facebook: sevenchickenisgood

BEIRUT RESTAURANT

Masakan: Lubnan 75 Wanneroo Rd, Tuart Hill WA 6060
+61 8 9344 7007
Setiap Hari: 12pm - 9pm
www.beirut.com.au

CHARCO'S THE FLAMING CHICKEN

Masakan: Ayam Panggang Portuguese Shop 9/74 Warton Road, Huntingdale WA 6110
Isnin-Sabtu: 10.30am - 9pm
www.charcos.com.au

CHEE TAYEB

Masakan: Lubnan 353 Murray St, Perth WA 6000
+61 8 9481 7788
Isnin-Selasa: 11am - 3pm
Rabu-Sabtu: 11am - 9pm
Facebook: CheeTayebRestaurant

CHICKEN RICE CORNER

Masakan: Malaysia 77 St Georges Terrace, Perth, WA 6000
+61 412 716 418
Isnin-Khamis: 10.30am - 4pm
Facebook: chickenricecorneras

CICERELLO'S FREMANTLE

Masakan: Fish & Chips 44 Mews Rd, Fremantle WA 6160
+61 8 9335 1911
Setiap Hari: 9.30am - 8pm
www.cicerellos.com.au

D'ANGKASA RESTAURANT

Masakan: Malaysia 1/566 Hay St, Perth, WA (08) 9325 1747
Setiap Hari: 11.00am - 8.45pm
Facebook: dankasahaystreet

ELIE'S TENT

Masakan: Lubnan 610 Albany Hwy, Victoria Park WA 6100
+61 8 6111 4145
Selasa-Khamis: 5.30pm - 9pm
Facebook: EliesTent.Lebanese Restaurant

INDIAN CHILLY MASALA

Masakan: India 14/16 Pinjarra Rd, Mandurah +61 8 9586 1055
Dibuka Setiap Hari
Facebook: chillymasalamandurah

KARACHE' BY SANI

Masakan: Malaysia 124 Murray St, Perth WA 6000
+61 4 0638 5258
Isnin-Sabtu: 11am - 6pm
Ahad: 12pm - 4pm
Facebook: cafekarachepert

LORD OF THE FRIES

Masakan: Kentang Goreng 2/189 William St, Northbridge WA 6003
+61 8 6237 5146
Setiap Hari: 11am - lewat malam
www.lordofthefries.com.au

MALAYSIAN DINING DELIGHTS PERTH

Masakan: Malaysia 78-82 Vellgrove Ave, Parkwood, WA 6147
+61 424 522 486
Setiap Hari: 11am - 9pm
Isnin: Tutup
Facebook: malaysiandiningdelights

MANISE CAFE

Masakan: Indonesia Shop 2, 449 William St, Perth WA 6003
+61 8 9228 2432
Setiap Hari: 11am - 8pm
Facebook: manise cafe

MAROOSH RESTAURANT

Masakan: Timur Tengah 150 Great Eastern Highway, Ascot WA 6104
+61 8 6161 4933
Isnin-Sabtu: 5pm - 9pm
Ahad: 1pm - 10pm
www.marooshrestaurant.com

MY SATAYLICIOUS

Masakan: Malaysia/Indonesia (Food Court FC104) Westfield Carousel, 1382 Albany Hwy, Cannington WA 6107
+61 433 891 496
Isnin-Rabu: 10am - 4.30pm
Khamis: 10am - 8pm
Jumaat-Sabtu: 10am - 4.30pm
Ahad: 11am - 4.30pm
www.mysataylicious.com.au

MATAYA EATERY

Masakan: Bagel, Vegan Shop 6/20 - 24 Sholl St, Mandurah WA 6210
+61 8 9581 2773
Setiap Hari: 6.30am - 2pm
www.mataya-eatery.net

PUTONG THAI RESTAURANT

Masakan: Thai 4, 60 Greenpark rd, Alexander Heights, 6064
+61 8 9247 4888
Setiap Hari: 5pm - 9pm
Selasa: Tutup
www.putongthairestaurant.com.au

RAW RAW RAW

Kek & Snek Fremantle Markets, South Terrace Perth, WA 6160
+61 434 676 787
Jumaat: 8am - 8pm
Sabtu-Ahad: 8am - 6pm
Facebook: RawRawRaw111

ROCKINGHAM KEBABS AND PIZZAS

Masakan: Turkey 8 Railway Terrace, Rockingham, WA
+61 8 9527 7259
Ahad-Khamis: 10am - 9.30pm
Jumaat-Sabtu: 10am - 12am
Facebook: Rockingham Kebabs and Pizzas

SANTAI2 CAFE PERTH

Masakan: Malaysia 1018 Albany Hwy, East Victoria Park WA 6101
+61 432 372 725
Setiap Hari: 11.30am - 9pm
Facebook: Santai2 Cafe Perth

SATAY ON CHARCOAL

Masakan: Malaysia Shop 6/16 Mends St, South Perth WA 6151
+61 430 190 984
Setiap Hari: 5pm - 9pm
Isnin: Tutup
Facebook: SatayOnCharcoal

SELERA MALAYSIA

Masakan: Malaysia 1355 Albany Hwy, Cannington WA 6107
+61 410 973 342
Selasa-Sabtu: 8am - 2pm
Facebook: seleramalaysia2017

SEDAP PLACE

Masakan: Malaysia 876 Albany Highway, East Victoria Park WA 6101
+61 8 6161 0741
Setiap Hari: 11.30am - 8.30pm
www.sedapplace.com

THE CHARGRILL MASTERS

Masakan: Daging Panggang Australia Centro Dianella, Dianella WA 6059 (08) 9276 9122
Setiap Hari: 10.30am - 9pm
www.thechargrillmasters.com.au

TWO FAT INDIANS

JOONDALUP Masakan: India Shop GD T173-74, Lakeside Joondalup Shopping City, Joondalup 6027
+61 862 048 998
Setiap Hari: 4.30pm - 10pm
Facebook: 2fatindiansjoondalup

UMI'S KITCHEN

Masakan: Malaysia Swan Settlers Market 124 Lennard St, Herne Hill WA 6056
+61 423 058 054
Jumaat-Ahad
Facebook: umisskitchen

SOUTH WEST AUSTRALIA

ISTANBUL KEBABS & TURKISH BAKERY

Masakan: Turkey 189 York St, Albany WA 6330
+61 8 9847 4961
Setiap Hari: 9am - lewat malam
Facebook: IstanbulKebabsAnd TurkishBakery

MR KEBAB AND TURKISH BAKERY

Masakan: Turkey 65 Queen Street, Busselton WA 6280
+61 8 9754 6666
Setiap Hari: 9am - 9pm
Facebook: mrkebabandturkisbakery

THE DAILY GRIND CAFE

Masakan: Malaysia 90 Clive St, Katanning WA 6317
+61 8 9821 7779
Isnin-Jumaat: 6am - 3.30pm
Sabtu-Ahad: 7am - 1.30pm
Facebook: The Daily Grind Cafe'

THE NILE GRILL & KEBABS

Masakan: Timur Tengah 2 Recreation Dr, Eaton WA 6232
+61 8 9725 0301
Isnin-Rabu: 11am - 8pm
Khamis-Sabtu: 10am - 9pm
Ahad: 10am - 8pm
Facebook: thenilegrillandkebabs

CORAL COAST

LOBSTER SHACK CERVANTES

Masakan: Lobster & seafood 7 Catalonia St, Cervantes WA 6511
+61 8 9652 7010
Setiap Hari: 9am - 5pm
www.lobstershack.com.au

KIMBERLEY & THE NORTH WEST

CAIRO CAFE BROOME

Masakan: Timur Tengah 7/16 Frederick St, Broome WA 6725
+61 8 9192 3283
Selasa-Ahad: 11.30am - 8pm
Isnin: 4pm - 8pm
Facebook: cairocafebroome

KEISTIMEWAAN PERJALANAN SEHARI DI PERTH

TEROKAI PERTH DENGAN GAYA LOKAL DARI PERCUTIAN PULAU YANG INDAH HINGGA KAWASAN WAIN TERTUA DI AUSTRALIA BARAT DALAM MASA SATU HARI. ADA SESUATU YANG MENANTI ANDA SEMUA!



WAJIB LAWATI:

FREMANTLE MARKETS

Pengalaman membeli-belah di pasar terunggul Western Australia dengan lebih dari 150 gerai. Dibuka hanya pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

SWAN VALLEY

Wilayah ladang anggur tertua di Western Australia, terletak 25 minit dari Bandaraya Perth dan hanya 10 minit dari Lapangan Terbang Perth.

ROCKINGHAM

Taman permainan marin Perth. Terletak hanya 45 minit di selatan Perth, Bandar Rockingham ini terkenal dengan pulau-pulau asli dan terumbu marinnnya.

PULAU ROTTNEST

Kawasan tumpuan haiwan paling comel dan fotogenik di dunia - The Quokka!

MASA TERBAIK UNTUK LAWATAN

Sepanjang tahun

BUKIT PASIR LANCELIN


Lawatan ke Western Australia anda tidak akan lengkap tanpa mencabar adrenalin di Lancelin dan saksikan hamparan pasir putih seumpama salji yang menakjubkan.

MANDURAH

Hanya 1 jam dari Perth, destinasi yang paling sesuai untuk perjalanan sehari atau berehat sebentar dari kesibukan Perth. Mandurah (Mandjoogoordap) terkenal dengan laluan air yang indah dan suasana percutian yang santai.

KEISTIMEWAAN ALAM SEMULA JADI DAN LADANG ANGGUR SOUTH WEST

SESUAI UNTUK PEMINAT ALAM SEMULA JADI YANG INDAH.



WAJIB LAWATI:

MARGARET RIVER

Terkenal dengan ladang anggur, hutan pokok tinggi, gugusan bunga liar dan tapak luncur ombak.

PEMBERTON

Gloucester Tree - pokok peninjau kebakaran yang tertinggi di dunia dan Valley of the Giants Tree Top Walk - jejantas di atas hutan tingle.

BUSSELTON

Naiki kereta api di Busselton Jetty dan lawati Underwater Observatory. Turun ke dasar laut melalui tangga di bangunan yang unik ini untuk menemui batu karang dan ikan yang berwarna-warni.

MANJIMUP TRUFFLES

Pengeluar terbesar Perigord Truffles yang bermutu tinggi di hemisfera selatan. Musim memetik hasil bermula dari Jun hingga September.

MASA TERBAIK UNTUK LAWATAN

September hingga Disember

KEISTIMEWAAN GREAT SOUTHERN

PERCUTIAN SOUTH WEST TERBAIK DARI ALBANY KE PEMBERTON KE MARGARET RIVER



WAJIB LAWATI:

PORONGURUP NATIONAL PARK

Taman negara yang terletak di wilayah Great Southern Western Australia, tempat yang menarik untuk berkelah dan bersiar-siar di alam semula jadi.

LITTLE BEACH, ALBANY

Salah satu pantai terbaik di Western Australia. Satu destinasi penting untuk pengembaraan jalanan anda dari Perth ke Esperance.

ELEPHANT ROCKS, DENMARK

Pembentukan batu yang menakutkan di William Bay National Park yang kelihatan seperti gajah di dalam air.

WILAYAH WAIN GREAT SOUTHERN

Terletak di sepanjang Lautan Selatan di pantai selatan Western Australia. Wain dihasilkan di lima kawasan - Albany | Kinjarling, Denmark, Sungai Frankland, Mount Barker dan Porongurup.

MASA TERBAIK UNTUK LAWATAN

Februari dan Mac

KEISTIMEWAAN INDIAN OCEAN DRIVE

PENGEMBARAAN MELALUI LEBUH RAYA PANTAI INI DISAJIKAN DENGAN Pemandangan Gurun yang menyerupai permukaan bulan, Gaung Tanah Merah Purba dan Gugusan Bunga liar yang menemui warna kebiruan lautan.



WAJIB LAWATI:

THE PINNACLES

Salah satu landskap ikonik Western Australia, ditemui kira-kira 200 km di utara Perth (Boorloo) yang terletak dalam Nambung National Park.

LESUEUR NATIONAL PARK

Wajib dikunjungi oleh peminat bunga liar dan ahli botani ke taman yang mempunyai lebih daripada 900 spesies flora ini.

JURIEN BAY MARINE PARK

Destinasi yang diminati ramai untuk aktiviti berasaskan air seperti memancing, menyelam, snorkeling dan berenang.

GERALDTON

Dikenali sebagai ibu kota luncur angin Australia dan lokasi luncur layang-layang kerana angin yang konsisten semasa musim panas.

KEPULAUAN ABROLHOS

122 pulau yang dikelilingi terumbu batu karang dan hidupan marin. Ianya salah satu daripada persekitaran marin Western Australia yang unik - syurga snorkeling dan pengawasan burung yang turut disenaraikan sebagai salah satu tempat memancing terbaik di dunia.

HUTT LAGOON (TASIK MERAH JAMBU)

Perairan Hutt Lagoon boleh menjadi pemandangan yang luar biasa semasa perjalanan antara Port Gregory dan Kalbarri (Wurdimarlu).

KALBARRI NATIONAL PARK

Salah satu taman yang paling menakutkan di Western Australia yang menawarkan pemandangan indah di antara batu pasir yang berjalur merah-putih.

MASA TERBAIK UNTUK LAWATAN

Februari dan Mac

10 FAKTA TENTANG WESTERN AUSTRALIA



Destinasi	Masa Penerbangan	Masa Pemanduan
Margaret River / Bussetton	Sewa Khas sahaja	3 jam
Albany	1 jam 15 minit	4 jam 45 minit
Exmouth	< 2 jam	12 jam 30 minit
Broome	2.5 jam	24 jam
Kalgoorlie	1 jam 10 minit	6.5 jam
Geraldton	1 jam	4.5 jam
Broome ke Kununurra	1 jam 20 minit	10 jam 40 minit
Esperance	1 jam 35 minit	7.5 jam
Monkey Mia	1 jam 45 minit	10 jam
Carnavon	1 jam 50 minit	9 jam
Kununurra	3 jam 10 minit	33 jam

1. Perth hanya mengambil masa 4.5 jam penerbangan dari Singapura dan 5 jam dari Malaysia.
2. Western Australia adalah satu-satunya negeri Australia yang berkongsi zon waktu yang sama dengan Singapura dan Malaysia.
3. Western Australia ialah negeri terbesar di Australia dengan 5 daerah - Destinasi Perth, Coral Coast Australia, South West Australia, North West Australia dan Golden Outback Australia.
4. Kings Park adalah salah satu taman dalam bandar terbesar di dunia dan lebih besar daripada Central Park di New York.
5. Western Australia ialah pengeluar truffler hitam terbesar di hemisfera selatan.
6. Quokka (juga dikenali sebagai haiwan paling gembira di dunia) ialah marsupial yang berasal dari Pulau Rottneest dan juga boleh ditemui di South West Australia.
7. Fremantle kebiasaannya dikenali sebagai Freo dalam kalangan penduduk tempatan.
8. Swan Valley merupakan kawasan wain terdekat dari Perth CBD dan hanya 10 minit pemanduan dari Lapangan Terbang Perth!
9. Broome ialah salah satu pengeluar terbesar mutiara South Sea yang terbaik di dunia.
10. Anda boleh mengelilingi Perth CBD (pusat bandaraya) secara percuma dengan CAT (bas perantara).

GARIS PANDUAN TERKINI UNTUK KETIBAAN ANTARABANGSA

GARIS PANDUAN TERKINI UNTUK KETIBAAN ANTARABANGSA



PERMOHONAN VISA

Semua pelancong (kecuali warganegara Australia atau New Zealand) wajib mempunyai visa sebelum melancong ke Australia. Permohonan visa dibuat menerusi Electronic Travel Authority (ETA) di laman web www.homeaffairs.gov.au

LAPANGAN TERBANG

Lapangan Terbang Perth mempunyai 4 terminal (T1, T2, T3 dan T4), pastikan terminal yang betul. Jarak dari lapangan terbang ke bandaraya Perth adalah 18km. Tambang teksi dari lapangan terbang ke bandar adalah kira-kira A\$50. Bas 380 beroperasi antara Stesen Bas Elizabeth Quay dan Terminal 1 & 2. Bas 40 beroperasi antara Stesen Bas Elizabeth Quay dan Terminal 3 & 4. Bas 935 beroperasi antara Kings Park dan Terminal 3 & 4. Tambang kereta api dari lapangan terbang ke pusat bandaraya ialah AUD\$4.90 dengan bayaran tunai. Jika bayar dengan kad SmartRider harganya A\$4.41 dan lebih murah hanya A\$3.92 jika memilih tambah nilai secara "autoload" untuk kad SmartRider anda. Bilik khas yang boleh digunakan untuk bersolat terletak di tingkat G, T1 Antarabangsa, berhampiran Dewan Ketibaan.

MATA WANG

Jenis mata wang yang digunakan adalah Dolar Australia (AUD) dan boleh didapati di ATM.

IKLIM

Australia mempunyai empat musim: Dis-Feb (Musim Panas); Mac-Mei (Musim Luruh); Jun-Ogos (Musim Sejuk); Sep-Nov (Musim Bunga). Rancang perjalanan mengikut musim atau aktiviti yang anda sukai.

BAYARAN BALIK CUKAI PELANCONG

Untuk menuntut bayaran balik cukai, anda mesti membelanjakan sekurang-kurangnya \$300 (termasuk GST) atau lebih di satu kedai, dalam satu invoice cukai dan pembelian tidak melebihi 60 hari sebelum berlepas.

KAD SIM

Tiga rangkaian telekomunikasi mudah alih yang utama di Western Australia ialah Telstra, Optus dan Vodafone. Kad SIM prabayar boleh didapati di lapangan terbang antarabangsa, kedai telefon bimbit atau kedai serbaneka. Jika anda ingin membeli kad SIM di atas talian, beli awal sebelum anda berlepas. Maklumat untuk mengaktifkan kad SIM: Nama anda, nombor Pasport, alamat di Western Australia (hotel atau penginapan).

MEMBAWA BARANGAN KUARANTIN KE AUSTRALIA

Anda perlu memaklumkan barangan makanan, tumbuh-tumbuhan (termasuk bahan daripada kayu) dan produk haiwan di dalam Kad Ketibaan Penumpang. Layari www.perthairport.com.au atau www.agriculture.gov.au untuk maklumat tentang barangan yang dilarang bawa masuk ke Australia.

KALENDAR MUSIM ALAM SEMULA JADI

■ SOUTH WEST ■ CORAL COAST ■ NORTH WEST ■ PERTH ■ GOLDEN OUTBACK ■ SELURUH NEGERI

MENYAKSIKAN HIDUPAN LIAR

Whale Sharks/ <i>Jerung Paus</i>			MAC	APR	MEI	JUN	JUL					
Orcas (Killer Whales)/ Paus Orca	JAN	FEB	MAC	APR								
Humpback, Southern Right & Blue Whales <i>Paus Humpback, Southern Right & Biru</i>					MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
						JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
						JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
			MAC	APR	MEI				SEP	OKT	NOV	DIS
Manta Rays/ <i>Pari Manta</i>	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
Dugongs/ <i>Dugong</i>	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
Dolphins/ <i>Ikan Lumba-lumba</i>	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
Seals and Sea Lions/ <i>Anjing Laut & Singa Laut</i>	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
Sea Turtle nesting/hatchings <i>Penyu (sarang/penetasan)</i>	JAN	FEB	MAC									DIS
	JAN	FEB	MAC							OKT	NOV	DIS
Emus/ <i>Emu</i>	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
Little Penguins/ <i>Penguin Kecil</i>	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
Quokkas/ <i>Quokka</i>	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS

FENOMENA ALAM SEMULA JADI

Wildflowers/ <i>Bunga Liar</i>						JUN	JUL	OGO	SEP			
						JUN	JUL	OGO	SEP	OKT		
						JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	
									SEP	OKT	NOV	
Horizontal Falls/ <i>Air Terjun Mendatar</i>				APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT		
Staircase to the Moon/ <i>Tangga Ke Rembulan</i>			MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	
Coral Spawning/ <i>Peneluran Batu Karang</i>			MAC	APR								

PERCUMA DI PERTH!

- Lawatan bandar berpandu percuma selama 90 minit. Tempahan dengan emel ke walkingtours@cityofperth.wa.gov.au 2 minggu sebelum lawatan.
- Pengangkutan bas Central Area Transit (CAT) dalam Perth CBD.
- WiFi percuma dalam bas dan kereta api.
- Tontonan Filem, Persembahan Musik dan Pameran di Northbridge Piazza.



BERSIAR-SIAR DI PERTH



BASCAT

Bas perantara Central Area Transit (CAT), adalah pengangkutan terbaik untuk menerokai bandar. Bas ini adalah percuma dan beroperasi setiap 5 hingga 10 minit bergantung pada laluan, masa dan hari dalam seminggu. Semua bas CAT mempunyai kod warna untuk memudahkan anda. Setiap perhentian bas mempunyai rakaman audio tentang masa perkhidmatan bas. Anda hanya perlu tekan butang maklumat di perhentian untuk mengetahui masa ketibaan bas yang seterusnya.

- Bas BIRU** : Laluan Utara-Selatan dari Barrack Street Jetty ke Northbridge.
- Bas MERAH** : Laluan Timur-Barat dari WACA ke Outram St.
- Bas KUNING** : Laluan Perth Timur ke Perth Barat.

- Bas HIJAU** : Laluan di antara Leederville Station & Elizabeth Quay Bus Station melalui City West di West Perth dan St Georges Terrace.

Untuk maklumat lanjut, layari www.transperth.wa.gov.au

TIP MEMANDU DI WESTERN AUSTRALIA

MEMANDU DI SEKITAR WESTERN AUSTRALIA ADALAH SALAH SATU CARA TERBAIK UNTUK MENGELILINGI NEGERI ITU. JIKA ANDA TIDAK BIASA DENGAN PERATURAN JALAN RAYA DI SINI, BERIKUT IALAH BEBERAPA TIPS DAN PERATURAN UNTUK MEMASTIKAN ANDA MELANCONG DENGAN SELAMAT.



♀ HUTT LAGOON, NEAR PORT GREGORY



♀ MOUNT AUGUSTUS

MEMANDU DI KIRI

Di Australia, semua kenderaan memandu di bahagian kiri jalan.

PENGGABUNGAN

Apabila dua lorong bergabung menjadi satu, kenderaan di hadapan mempunyai hak laluan utama.

BULATAN

Apabila memasuki bulatan, sentiasa beri laluan kepada mana-mana kenderaan yang sudah berada di bulatan.

MELINTAS JALAN RAYA

Anda boleh melintas di garisan putus jika selamat, tetapi garisan berterusan yang tidak terputus tidak boleh dilintas melainkan anda perlu mengelak daripada sebarang halangan.

PERKONGSIAN JALAN RAYA DENGAN PENUNGGANG BASIKAL

Beri laluan kepada penunggang basikal dan apabila memotong, biarkan jarak 1.5 meter antara kenderaan anda dan penunggang basikal.

MEMBUAT PUSINGAN U

Apabila membuat pusingan U, beri laluan kepada semua pengguna jalan raya yang lain dan gunakan penunjuk arah kenderaan untuk memberi isyarat pergerakan anda.

GANGGUAN TELEFON BIMBIT

Anda dilarang menggunakan telefon bimbit anda semasa memandu malah sebaliknya anda wajar nikmati pemandangan yang mempersonakan.

MEMANDU SEMASA MABUK

Memandu di Western Australia dengan paras alkohol dalam darah melebihi 0.5 adalah dilarang.

TALI PINGGANG KELEDAR

Memakai tali pinggang keledar adalah wajib di Australia Barat oleh semua yang menaiki kereta. Pemandu serta penumpang boleh didenda kerana tidak memakainya.

MEMANDU KE WESTERN AUSTRALIA

2WD - Gunakan Eyre Highway yang epik dari Port Augusta di South Australia dan rentas Nullarbor Plain yang luas ke Norseman. Jangan lupa untuk bermain golf di Nullarbor Links, padang golf terpanjang di dunia.

Jika anda memandu ke Western Australia dari Darwin, Victoria Highway yang menghubungkan ke Great Northern Highway membawa anda melalui Kimberley ke Broome.

4WD - Untuk pengembaraan 4WD merentasi savana tropika yang tersenarai sebagai Warisan Dunia, ikuti Savannah Way dari

Cairns di North Queensland ke Broome, bandar mutiara eksotik Western Australia.

Atau lalui perjalanan kawasan tanah merah Australia di sepanjang Outback Way. Pengembaraan 4WD ini menjangkau 2,700 km dari Winton di Queensland ke Uluru dan berakhir di Laverton di Goldfields, Western Australia.

Tambahkan keseronokan pengembaraan anda dengan perjalanan di Gibb River Road yang terkenal melalui tanah gersang Kimberley.

LESEN MEMANDU

Pemegang lesen memandu dari luar negara mesti membawa salinan lesen yang diterjemah ke bahasa Inggeris, atau Permit Memandu Antarabangsa (IDP) semasa memandu.

MEMANDU DI JALAN KERIKIL

- Memandu pada had kelajuan yang perlahan.
- Perlahankan kenderaan semasa selekoh.
- Jangan brek secara mengejut.
- Bersedia dengan halangan habuk dan batu dari kenderaan yang berlalu.

HIDUPAN LIAR DI JALAN RAYA

Berhati-hati dengan haiwan liar berkeliaran seperti kanggaru, lembu, unta dan juga helang di jalan raya di beberapa kawasan di pedalaman terutamanya pada waktu matahari terbit dan terbenam.

HAD PENGLIHATAN YANG RENDAH

Elakkan memandu dalam cuaca buruk dan di kawasan luar bandar. Sentiasa pastikan lampu anda menyala sepanjang masa sepanjang hari tanpa mengira keadaan.

KAWASAN REHAT DAN STESEN MINYAK

Luangkan masa anda untuk rehat dan rawat kerana jarak perjalanan anda yang jauh. Manfaatkan kawasan rehat yang mempunyai kemudahan bilik mandi, set barbeku dan bangku berkelah sepenuhnya.

Anda dinasihatkan untuk berhenti di stesen minyak atau roadhouse dengan kerap untuk menambah minyak dan makanan apabila anda melakukan perjalanan jarak jauh kerana perhentian mungkin terhad.

MUAT TURUN PETA "OFFLINE"

Kawasan terpencil di Western Australia mungkin tidak mempunyai liputan telefon. Walaupun jalan ditandakan dengan baik, sediakan peta offline atau peta kertas sebagai langkah berwaspada.



TEMPAT LETAK KARAVAN



♀ STOKES NATIONAL PARK, ESPERANCE



♀ RAC ESPERANCE HOLIDAY PARK

BUSSELTON JETTY TOURIST PARK

Menawarkan 3 jenis tempat letak karavan, malah ia berbumbung dan antaranya mempunyai pad konkrit. Terdapat 150 ruang dilengkapi dengan kemudahan seperti dapur, tempat BBQ yang berteduh. (Serasi untuk Caravans, A Vans, Motorhomes dan Campervan).

DISCOVERY PARKS - SWAN VALLEY

Kabin, chalet, tempat letak karavan yang mempunyai bekalan kuasa serta kemudahan berkhemah terletak cantik di dalam lanskap ladang anggur. Juga dilengkapi kolam mandi, tempat BBQ, bilik TV, bilik permainan dll.

MANDURAH CARAVAN & TOURIST PARK

Lokasi yang cukup serasi buat percutian keluarga! Lengkap dengan kolam renang, tempat BBQ, dll. Boleh memilih pakej karavan, kabin atau chalet mengikut bajet dan kemampuan anda!

BIG4 TAUNTON FARM HOLIDAY PARK

Lokasi yang lebih privasi, tenang dan mesra keluarga. Terdapat 2 jenis kawasan - yang berbekalan kuasa dan tidak. Terdapat juga 18 kabin. Anda boleh menikmati udara segar dengan suasana luar bandar Margaret River.

ACCLAIM SWAN VALLEY TOURIST PARK

Terletak hanya 18 km dari pusat bandar Perth anda boleh pergi membeli belah di pusat bandar dan di Fremantle menaiki kereta api yang bertolak setiap 15 minit dari Guildford.

GERALDTON CARAVAN PARK

Bertempat di kawasan perkampungan, ideal untuk anda rileks tanpa pencemaran bunyi. Anda boleh menikmati pemandangan hijau dan melihat burung. Di sini tersedianya kolam renang dan tempat BBQ.

RAC CERVANTES HOLIDAY PARK

Sesuai untuk anda yang gemarkan percutian pantai. Terdapat villa baru dengan 2 atau 3 bilik serta kabin biasa, karavan dengan bekalan kuasa, RV dan kawasan perkhemahan. Terletak berdekatan dengan Pinnacles di Nambung National Park.

RAC ESPERANCE HOLIDAY PARK

Terletak di pantai pasir putih teluk Esperance yang indah, tempat ini menyediakan tapak letak karavan dan berkhemah dengan bekalan kuasa. Terdapat juga kabin yang selesa dan kemudahan kolam renang, tempat BBQ, tempat berkelah, dapur dll.

PENGANGKUTAN AWAM

UNTUK MENAIKI BAS, TREN DAN FERI DI PERTH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBELI KAD TRANSPERTH SMART RIDER DI TRANSPERTH INFO CENTRE ATAU DI KEDAI SERBANEKA. DISKAUN 10% DIBERIKAN SECARA AUTOMATIK ATAS CAJ TAMBANG APABILA ANDA MENGGUNAKAN KAD INI.



♀ LITTLE FERRY CO, PERTH



♀ FREMANTLE

BAS

Perth mempunyai perkhidmatan bas percuma CAT dalam pusat bandar dan Fremantle. Jadual perjalanan adalah setiap 5 - 15 minit dari 6 pagi hingga 7 malam. Perkhidmatan bas awam disediakan dari Perth Busport atau Elizabeth Street Bus Station. Untuk ke Kings Park, naik bas 935. Bas turun-naik Perth Explorer juga boleh membawa anda sekitar Perth. Anda boleh membeli tiket untuk satu atau dua hari. Tiket perjalanan sehari ke Pinnacles dan Wave Rock juga boleh didapatkan. Anda boleh menaiki bas awam untuk ke Perth Airport dari pusat bandar. Dari Elizabeth Quay Station, naik bas 380 untuk ke Terminal 1 dan 2 atau bas 40 untuk ke Terminal 3 dan 4. Jadual perjalanan bagi perkhidmatan ini adalah setiap 30 minit. Anda boleh menggunakan kad Smartrider.

FERI

Anda boleh menggunakan kad Smartrider untuk menaiki feri awam merentasi Swan River. Feri bertolak dari Elizabeth Quay Jetty ke Mends Street Jetty bagi setiap 15 - 30 minit di antara 6:30 pagi hingga 11:30 malam. Ia adalah cara terbaik untuk ke Perth Zoo dan bagi melihat pemandangan langit Perth.

TREN

Rangkaian kereta api Perth adalah cara terbaik untuk berkunjung ke pusat tarikan di tengah kota dan untuk melawat sekitar pinggir bandar. Terdapat zon transit percuma di pusat bandar untuk tren yang merentasi stesen City West, Elizabeth Quay, dan Claisebrook. Dari stesen utama seperti Perth Station dan Elizabeth Quay Station, anda boleh menaiki tren untuk ke destinasi seperti Fremantle dan Cottesloe Beach

PENGINAPAN SANTAI PERTH



HEAVENLY WATERS

Bertempat di Avon Valley, tapak perkhemahan ini berkonsep mewah dan eko. Sesuai untuk pasangan yang ingin merasai suasana yang santai dan bisikan burung serta malam berbintang.

Alamat: 9 Cobbler Pool Rd, Toodyay, Western Australia, 6083
Website: heavenlywaters.com.au



THE SWAN VALLEY RETREAT

Samada anda santai, memanjakan diri di spa ataupun bersiar-siar di ladang anggur, inilah tempatnya di mana gaya hidup yang pantas menjadi perlahan.

Alamat: 79 Irwin Street, Henley Brook, Western Australia, 6055
Website: swanvalleyretreat.com.au



WHEATBELT LUXURY ESCAPES

Ya menawarkan 3 penginapan rumah kotej yang nostalgia di York, pekan pedalaman yang paling lama di Western Australia.

Alamat: York WA 6302, Australia
Website: wheatbeltluxuryescapes.com.au



WARDERS HOTEL

Sebuah hotel butik yang terletak di bangunan bersejarah yang pernah menjadi rumah tinggal pegawai penjara Fremantle suatu ketika dahulu.

Alamat: 19-29 Henderson Street, Fremantle, Western Australia, 6160
Website: wardershotel.com.au

PENGINAPAN IMPIAN SOUTH WEST



AMPERSAND ESTATES

Penginapan ladang dikelilingi Sungai Donnelly yang megah dan hutan karri purba Easter National Park. Penginapan mewahnya terletak di antara taman bunga dan ladang anggur.

Alamat: 9883 Vasse Highway, Peerabeelup, Western Australia, 6260
Website: ampersandestates.com.au



SMITHS BEACH RESORT

Penginapan tepi pantai yang luas dan bergaya. Ia menampilkan keindahan semula jadi di sekelilingnya, hamparan pantai berpasir putih, kafe dan restoran, kolam renang infiniti dan ladang anggur.

Alamat: 67 Smiths Beach Road, Yallingup, Western Australia, 6282
Website: smithsbeachresort.com.au



UPLAND FARM

Penginapan ladang butik percutian mewah mesra alam. Ia menampilkan kabin yang diilhamkan oleh pertanian Australia yang meraikan pemandangan kehijauan dan ladang anggur yang terbaik di rantau ini.

Alamat: 1620 Scotsdale Road, Scotsdale, Western Australia, 6333
Website: uplandfarm.com.au



LATITUDE 35°5

Penginapan mewah ini dikelilingi pemandangan panorama indah Torndirrup National Park. Rumah percutian yang dibina dengan kayu dan granit tempatan ini memaparkan seni bina gaya Australia yang terbaik.

Alamat: Karrakatta Road, Goode Beach, Western Australia, 6330
Website: latitude355.com

GLAMPING

GLAMPING IALAH NAMA SINGKAT UNTUK “GLAMOROUS CAMPING” DI MANA ANDA BOLEH BERKHEMAMH SECARA MEWAH DI KAWASAN LUAR.

Khemah penginapan telah siap disediakan dengan serba kelengkapan untuk keselesaan anda. Anda tidak perlu bersusah-payah memasang khemah. Western Australia mempunyai banyak kawasan luar yang hebat dan sesuai untuk glamping seperti di Olio Bello Lakeside Glamping (Margaret River); Mile End Glamping (Margaret River); Discovery Rottnest Island; Sal Salis Ningaloo Reef (Coral Coast); Karijini Eco Retreat (North West) dan sebagainya.



DESTINATION PERTH

DISCOVERY ROTTNEST ISLAND

Sebagai tapak glamping berkonsep eko yang pertama di Pulau Rottnest, mereka menghargai alam semula jadi, perhubungan dengannya dan impak yang minimum pada alam sekitar.

Alamat: Strue Road, Rottnest Island, Western Australia, 6161



AUSTRALIA'S CORAL COAST

SAL SALIS NINGALOO REEF

Terletak di pantai pasir Ningaloo Reef (Tapak Warisan Dunia UNESCO), khemah-khemahnya direka bentuk berpadu dengan alam sekelilingnya.

Alamat: Yardie Creek Road, Cape Range National Park, Western Australia, 6707
Website: salsalis.com.au



AUSTRALIA'S NORTH WEST

KARIJINI ECO RETREAT

Terletak di antara tanah berbatu, gaung yang berliku-liku dan pembentukan geologi yang mengagumkan, khemah milik Orang Asli ini adalah yang paling dekat dengan alam semula jadi.

Alamat: National Park, Savannah Campground, off Weano Rd, Karijini WA 6751
Website: karijiniecoretreat.com.au



AUSTRALIA'S SOUTH WEST

MILE END GLAMPING

Dikelilingi dengan lembah dan ladang anggur yang indah, tapak ini terdiri dari kubah yang diterangi dengan sumber cahaya semula jadi untuk mewujudkan konsep hijau dan cekap tenaga.

Alamat: 76 Yelverton Road, Yelverton, Western Australia, 6280
Website: mileendglamping.com.au

SENARAI MASJID & MUSOLLA



ALBANY MUSALLA
79 Ajana Dr,
Marbelup WA 6330
Tel: +61 488 798 396

**ALHAMD ASSOCIATION
MUSALLA**
246 Walter Road
Morley WA 6062
Tel: +61 425 560 040

ALHIDAYA CENTRE MASJID
29 Berriman Drive
Wangarra WA 6065
Tel: +61 8 9309 6691

**AL MAJID MASJID
HEPBURN HEIGHTS MOSQUE**
64 Walter Boulevard
Padbury WA 6025
Tel: +61 8 9403 7548

**AR-RUKUN MOSQUE AND
ISLAMIC CENTRE**
Ar Rukun Society
4 Atwood Way
Rockingham WA 6168
Tel: +61 8 9527 8633

**ARMADALE MASJID AND
ISLAMIC CENTER (AMIC)**
7 Albany Hwy,
Armadale WA 6112
Tel: +61 8 6594 1997

**BEECHBORO MOSQUE
BOSNIAN – HERCEGOVIAN
MUSLIM SOCIETY**
289 Beechboro Road
Beechboro WA 6063
Tel: +61 8 9377 7133

**BUNBURY ISLAMIC
ASSOCIATION**
26 Hudson Road
Bunbury WA 6230
Tel: +61 488 003 352

MASJID AL SUNNAH
45 Kent Street
Cannington WA 61078
Tel: +61 8 9258 4781

**CANNING MOSQUE AND
ISLAMIC CENTRE**
237 Welshpool Road
Queens Park WA 6107
Tel: +61 8 9451 8699

CLARKSON MUSALLA
27 Sarasota Pass
Clarkson WA 6030
Tel: +61 412 033 225

**COMMUNITY CENTRE
MUSALLA**
3/5 Hughes St
Canning Vale WA Australia
6155
Tel: +61 8 9456 4056

**CRAWLEY UWA MUSALLA
EASTERN SIDE WINTHROP
HALL UWA**
35 Stirling Highway
Crawley 6009
Tel: +61 8 9380 3838

**CURTIN MUSLIM STUDENTS
ASSOCIATION**
Kent Street
Bentley WA 6152
Tel: +61 8 9266 9266

**FURQAN ISLAMIC
ASSOCIATION**
91 Robinson Ave,
Belmont WA 6104
Tel: +61 4 0260 4486

GERALDTON MOSQUE
172 George Road
Beresford WA 6530
Tel: +61 8 9964 1318

JOONDALUP ECU MUSALLA
270 Joondalup Drive
Joondalup WA 6027
Tel: +61 8 6304 0000

KARRATHA ISLAMIC CENTRE
20 Teesdale Pl,
Millars Well WA 6714
Tel: +61 433 515 784

**KATANNING MOSQUE &
ISLAMIC ASSOCIATION**
2 Warren Road
Katanning WA 6317
Tel: +61 8 9821 2627

**KENWICK MUSALLA
AND ISLAMIC CENTRE**
Lot 30, 408 Brickley Rd
Kenwick WA 6065
Tel: +61 8 9459 0476

**MADRASA TALIMUDDIN
DARUL-IMAN**
126 Sultana Road West
High Wycombe WA 6057
Tel: +61 9452 2892

**MANDURAH COMMUNITY
MUSALLA**
Thomson Street
Mandurah WA 6210
Tel: +61 468 389 941

MASJID AL-FALAH
29 Lewis Rd,
Wattle Grove WA 6107
Tel: +61 401 686 712

MASJID AL-KHALIL
1 Hunt St,
Malaga WA 6090
Tel: +61 413 473 034

MASJID AL LATIEF
214 Nicholson Rd,
Langford WA 6147
Tel: +61 448 063 643

**MASJID ALRAHMAN &
ISLAMIC CENTRE**
54 Mills Road
Gosnells WA 6110
Tel: +61 431 643 144

MASJID IBRAHIM
1526 Southern River Road
Southern River WA 6110
Tel: +61 434 581 995

**MAYLANDS ISLAMIC
CENTRE & MOSQUE**
Maylands Maylands
Shopping Centre
Guildford Road
Maylands WA 6051
Tel: +61 8 9271 3332

**MIRRABOOKA MOSQUE-
MASJID AL TAQWA**
Noorul Islam Society
Lot 433 Boyare Avenue
Mirrabooka WA 6061
Tel: +61 8 9248 8559

**MOUNT LAWLEY ECU
MUSALLA**
2 Bradford Street
Mt Lawley WA 6050
Tel: +61 8 9370 6111

**MURDOCH UNIVERSITY
MUSALLA**
South Street
Murdoch WA 6150
Tel: +61 421 249 422

MUSALLA & ISLAMIC CENTRE
Lot 30, 408 Bickley Road
Kenwick WA 6107
Tel: +61 8 9459 0476

NEWMAN MOSQUE
Lot 1563 Abydos Way
Newman WA 6753
Tel: +61 8 9845 1225

**PEEL ISLAMIC CULTURAL
ASSOCIATION**
26 Scott St,
Mandurah WA 6210
Tel: +61 403 648 853

PERTH CITY MUSALLAH
101 Murray St,
Perth WA 6000
Tel: +61 8 6249 6826

PERTH MOSQUE
427-429 William Street
Perth WA 6000
Tel: +61 8 9328 8535

**PORT HEDLAND MOSQUE
ISLAMIC ASSOCIATION OF
NORTH WA**
34 Trumpet Way
South Hedland WA 6722
Tel: +61 8 9172 2528

**QUEENS PARK TURKISH
ISLAMIC ASSOCIATION
OF WA INC**
243 Welshpool Road
Queens Park WA 6107
Tel : +61 9451 8699

QUBA MOSQUE
6 Lionel St,
Kalgoorlie WA 6430
Tel: +61 470 072 463

RIVERVALE MASJID
7 Malvern Road
Rivervale WA 6103
Tel: +61 8 9362 2210

SWAN VALLEY MOSQUE
2 Smallbrook Retreat,
Caversham WA 6055
Tel: +61 433 360 618

**THORNIE-AUSTRALIAN
ISLAMIC COLLEGE**
24 Clancy Way
Thornlie WA 6108
Tel: +61 8 9452 3531

WESTERN AUSTRALIA

WALKING ON A DREAM

MAKLUMAT LANJUT

Facebook : @ExtraordinaryWesternAustralia

Instagram : @WesternAustralia

Hashtags : #WAtheDreamState

YouTube : @WesternAustralia

Tik Tok : @westernaustralia

Twitter : @WesternAustralia

Laman Web : westernaustralia.com



WESTERN AUSTRALIA

WALKING ON A DREAM

Tinggalkan rutin biasa kehidupan anda. Western Australia adalah tempat yang dipenuhi alam semula jadi yang mengagumkan, daya tarikan yang tiada tandingannya dan penemuan yang luar biasa. Disinilah tempat yang paling istimewa untuk pengembaraan yang menakjubkan seolah-olah berada dalam dunia lain dan mimpi.

